

## **RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015**

### **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN BAGI PROJEK PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN SEDIA ADA**

#### **TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklum dan menjelaskan tata cara penggunaan peruntukan projek "**Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Sedia Ada**" yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan disalurkan melalui Kementerian Pelancongan Malaysia.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Malaysia mempunyai banyak destinasi yang unik dan menarik untuk ditawarkan kepada pelancong. Dalam hal ini, penyediaan infrastruktur dan penyelenggaraan produk pelancongan tersebut amatlah penting dalam memastikan kebersihan dan keindahannya sentiasa terpelihara dan menarik kepada para pelancong.

3. Di bawah RMKe-10, usaha menyelenggara dan menambah baik infrastruktur dan kemudahan pelancongan sedia ada akan dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan termasuk penguatkuasaan lebih ketat dan pengenaan bayaran masuk, terutamanya di kawasan alam sekitar yang sensitif dan tapak warisan. Langkah ini dijangka akan terus dapat memperbaiki kedudukan Malaysia sebagai antara 10 negara teratas di peringkat global dari segi pendapatan pelancongan yang dijangka akan mencecah RM115 bilion pada tahun 2015.

4. Justeru itu, bagi memastikan penggunaan peruntukan penyelenggaraan ini lebih menjurus ke arah aktiviti yang dapat menjana ekonomi bernilai tambah tinggi, Kementerian Pelancongan Malaysia hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti berikut:

- (i) menyediakan satu **garis panduan mengenai opsyen reka bentuk standard (termasuk anggaran kos) bagi kemudahan asas pelancongan** seperti tandas awam, wakaf dan papan penerangan, mengikut kesesuaian lokasi destinasi pelancongan. Garis panduan tersebut perlu dipatuhi oleh Kerajaan Negeri/ agensi Kerajaan yang memohon peruntukan penyelenggaraan di bawah projek "Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Sedia Ada"; dan
- (ii) memastikan infrastruktur dan kemudahan pelancongan yang telah dibaik pulih/ diperbaiki akan **diselenggara dengan baik selepas diserahkan semula** kepada pihak Kerajaan Negeri/ agensi Kerajaan yang bertanggungjawab.

#### **SKOP KERJA PENYELENGGARAAN**

5. Penyelenggaraan meliputi kerja-kerja yang dilakukan untuk **memulihara, menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur serta kemudahan asas pelancongan sedia ada**. Ia meliputi kawasan persekitaran dan struktur bangunan yang disediakan untuk kegunaan dan keselesaan pengunjung di destinasi yang dikenal pasti menjadi tarikan pelancong.

6. Komponen infrastruktur dan kemudahan asas pelancongan merangkumi:
- jalan masuk, jambatan dan jeti yang menjadi laluan utama pelancong ke destinasi pelancongan;
  - lampu jalan di dalam kawasan destinasi pelancongan;

- sistem perparitan, saliran dan air pancut di dalam kawasan destinasi pelancongan;
- tempat letak kereta dan bas pelancong di kawasan destinasi pelancongan;
- struktur bangunan (seperti pusat penerangan pelancong, chalet, kabin, restoran dan gerai);
- kemudahan rekreasi (seperti taman permainan kanak-kanak, tapak perkhemahan dan kolam air panas);
- papan penerangan, papan tanda dan papan arah;
- kemudahan asas (seperti tandas, bilik persalinan, wakaf dan surau);
- jalan rentas, trek jogging dan jambatan gantung; dan
- landskap lembut dan kejur.

#### **SKOP KERJA PENYELENGGARAAN YANG TIDAK DIBENARKAN**

5. Skop kerja penyelenggaraan yang tidak akan menjana ekonomi bernilai tambah tinggi adalah **tidak dibenarkan**, iaitu:

- Mengubah suai atau menaik taraf struktur bangunan sedia ada yang digunakan untuk tujuan pengurusan pentadbiran seperti pejabat polis pelancongan dan kediaman kakitangan; dan
- Membina atau menaik taraf pintu gerbang, arca, replika berunsur pelancongan, monumen dan yang seumpama dengannya.

6. Peruntukan penyelenggaraan ini juga **tidak boleh** digunakan bagi:

- projek baru;
- pembinaan struktur bangunan baru;
- pembelian tanah;

- pembelian atau penyelenggaraan kenderaan/ peralatan/ perabut untuk tujuan pengurusan pentadbiran;
- penyelenggaraan pusat maklumat pelancong (*tourist information centre*);
- kajian-kajian pelancongan termasuk *feasibility study*;
- kawasan pelancongan yang terletak di atas tanah milik persendirian;
- bayaran pampasan tanah/ setinggan;
- sub-station dan pencawang elektrik;
- empangan; dan
- belanja operasi/penggajian.

## PENGGUNAAN PERUNTUKAN PENYELENGARAAN

7. Keutamaan penggunaan peruntukan penyelenggaraan hendaklah diberikan kepada:

- produk pelancongan yang menjadi ikon negeri; dan
- produk pelancongan yang dipilih sebagai *live sites* di bawah "Malaysia Mega Biodiversity Hub".

8. Permohonan peruntukan projek penyelenggaraan hanya **boleh dipertimbangkan** untuk produk pelancongan yang:


- tidak mendapat peruntukan menaik taraf atau penyelenggaraan di bawah RMKe-9; dan
- telah mendapat peruntukan menaik taraf atau penyelenggaraan yang melebihi tempoh tiga (3) tahun **kecuali** berlaku kerosakan infrastruktur/kemudahan pelancongan akibat bencana alam.

## LAIN-LAIN

9. Kementerian Pelancongan Malaysia perlu mengemukakan **laporan prestasi projek (fizikal dan kewangan)** pada setiap suku tahunan serta **Outcome-Based Analysis** pada setiap setengah tahunan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

10. Kementerian Pelancongan Malaysia dan semua Kerajaan Negeri serta agensi Kerajaan yang berkaitan diminta memberi kerjasama sepenuhnya bagi memastikan peruntukan projek **"Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Sedia Ada"** yang disediakan di bawah RMKe-10 dibelanja mengikut tata cara penggunaan peruntukan seperti yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan ini.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
(DATO' NORIYAH AHMAD)  
Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri

30 Disember 2010